

Dokumen Sokongan

Dokumen sokongan yang perlu disediakan :-

- a. SATU salinan Surat Tawaran Kemasukan KUTAR/TAR UMT perlu disediakan dengan menggunakan kertas berwarna putih dan BERSAIZ A4.

Serahan Dokumen Pembiayaan

Dokumen perjanjian yang telah lengkap diisi bersertakan dokumen sokongan perlu diserahkan kepada pegawai PTPTN dalam masa **14 hari dari tarikh surat tawaran pinjaman PTPTN**. Serahan boleh dilakukan di kaunter Pejabat PTPTN berdekatan atau semasa sesi kutipan, sekiranya ia diadakan di kampus TAR UMT.



Syarat Kelayakan Saksi Pelajar

Saksi hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia. Individu yang layak menjadi “SAKSI PEMINJAM” adalah seperti berikut:

- A. Wakil Rakyat/Senator
- B. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional
- C. Pengamal Undang-undang
- D. Jaksa Pendamai
- E. Pengetua/Guru Besar (sekolah kerajaan sahaja)
- F. Ketua Kampung/Pengagawa/Penghulu/Ketua Masyarakat/Sidang/ Pegawai Pembangunan Mukim
- G. Pengerusi JKKK (Jawatan Kemajuan dan Keselamatan Kampung)
- H. Untuk SABAH dan Sarawak– Ketua Kaum/Ketua Anak Negeri/Kapitan/Pemanca/Pegawai Taman Sabah
- I. Pegawai-pegawai IPTS yang mendapat kebenaran bertulis daripada PTPTN.

* Cop Saksi hendaklah lengkap mempunyai nama, jawatan dan jabatan/alamat di mana pegawai bertugas.

* Tandatangan bagi pihak (b/p) tidak dibenarkan.



Semua maklumat adalah betul pada masa percetakan.
(April 2023)



PTPTN

Untuk maklumat lanjut berkenaan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), sila hubungi:-

i.) Ibu Pejabat PTPTN Kuala Lumpur

Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No. 12, Jln. Yap Kwan Seng, Kuala Lumpur
Careline: 03-2193 3000
Website: www.ptptn.gov.my

ii) Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (TAR UMT)

Jalan Genting Kelang, Setapak
53300 Kuala Lumpur
Tel: 03-4145 0123 ext 3343/3104
Website: www.tarc.edu.my
E-mel: fncaid@tarc.edu.my



iii.) Pejabat Hal Ehwal Pelajar (Kampus Cawangan TAR UMT)



Syarat-Syarat Permohonan

- :: Warganegara Malaysia.
- :: Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon.
- :: Telah mendapat tawaran kursus penuh (Full Offer) **Diploma/Ijazah Sarjana Muda** (Bachelor Degree) sepenuh masa di TAR UMT dan memohon mengikut kemasukan (pelajar mengikuti kursus separuh masa, Foundation, A-Level dan Postgraduate tidak layak memohon pinjaman PTPTN).
- :: Baki tempoh pengajian semasa memohon **tidak kurang dari satu tahun**.

Jumlah Tawaran PTPTN

Jumlah pinjaman berdasarkan pendapatan isirumah bulanan ibubapa/penjaga:-

| Peringkat Pengajian | Jumlah Pinjaman Setahun Mengikut Peringkat | | |
|--------------------------|--|----------|----------|
| | Maksimum* (RM) | 75% (RM) | 50% (RM) |
| Diploma | 6,800 | 5,100 | 3,400 |
| Ijazah Srj. Muda Sastera | 13,600 | 10,200 | 6,800 |
| Sains | 14,030 | 10,520 | 7,010 |


*Sekiranya pelajar/penjaga disenarai sebagai penerima Sumbangan Tunai Rahmah

Cara Pembayaran PTPTN

Pinjaman dikreditkan ke akaun Public Bank pelajar mengikut jadual pembayaran yang ditetapkan. Pengeluaran pinjaman pertama diproses setelah pelajar pulang perjanjian lengkap kepada PTPTN.

Pengeluaran pinjaman semester seterusnya berdasarkan syarat pelajar masih meneruskan pengajian pada peringkat, jurusan dan IPT yang diluluskan, juga lulus peperiksaan semester sebelumnya dengan keputusan **GPA 2.0000** ke atas.

Panduan Permohonan Pembiayaan PTPTN



1. Sekiranya pemohon/penjaga tidak **mempunyai akaun SSPN Prime**, pemohon/penjaga dikehendaki membuka akaun berkenaan dengan simpanan minimum sebanyak RM20 secara **online** di laman web PTPTN atau di kaunter PTPTN/Maybank/Bank Islam/Agrobank/Bank Rakyat/RHB Bank. Nombor akaun SSPN wajib diisi dalam portal permohonan pinjaman.
2. Pemohon dikehendaki **mempunyai Akaun Simpanan Individu Public Bank**. Nombor akaun simpanan individu pemohon wajib diisi dalam portal permohonan pinjaman.
3. Pemohon perlu **mendaftar permohonan pinjaman dengan NO. PTPTN** di laman web PTPTN. NO. PTPTN berharga RM5.00 boleh dibeli secara **online** di laman web PTPTN atau di kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) / mesin ATM BSN.
4. Pemohon perlu **membuat permohonan di portal e-perkhidmatan pinjaman** PTPTN dan hantar permohonan secara **online** sebelum tarikh tutup permohonan. Pemohon diingatkan memilih tarikh mula pengajian mengikut tarikh kemasukan terdekat (rujuk surat tawaran kemasukan KUTAR/TAR UMT). Jadual permohonan boleh disemak di laman web PTPTN atau laman web TAR UMT (www.tarc.edu.my).
5. Pemohon perlu **semak status permohonan** 6 hari berkerja selepas tarikh tutup permohonan.
6. Pemohon yang ingin menerima tawaran pinjaman PTPTN perlu **muat turun dan cetak 2 set Dokumen Perjanjian Pembiayaan** dari portal permohonan pinjaman.
7. Pemohon dinasihati supaya **membaca "Panduan Dan Peraturan Mengisi Dokumen Tawaran Pembiayaan Pendidikan"** sebelum mengisi dokumen perjanjian pembiayaan. Panduan tersebut boleh diperolehi di laman web PTPTN atau laman web TAR UMT.
8. **Dokumen Perjanjian Pembiayaan lengkap diisi perlu diserahkan kepada pegawai PTPTN dalam masa 14 hari dari tarikh surat tawaran PTPTN**. Serahan boleh dilakukan di kaunter Pejabat PTPTN berdekatan atau semasa Sesi Kutipan/Serahan Dokumen Perjanjian, sekiranya ia diadakan di kampus TAR UMT.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman www.ptptn.gov.my

